

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN FONG KUI LUN  
( BUKIT BINTANG )**

**TARIKH : 03 OKTOBER 2022 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN FONG KUI LUN ( BUKIT BINTANG )** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan persiapan Kementerian bagi menghadapi bencana banjir yang dijangka melanda Kuala Lumpur pada akhir tahun 2022 dan apakah pengajaran yang diambil dari kes banjir 2021.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menubuhkan satu **Jawatankuasa Tindakan Khas Banjir** yang dibantu pelaksanaannya oleh Pasukan Tindakan Khas Banjir yang melibatkan jabatan dalaman DBKL dan Agensi Sahabat seperti **Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), PDRM, Bomba, Jabatan Kebajikan Wilayah Persekutuan, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan dan Jabatan Metereologi** sebagai satu kaedah yang lebih sistematik dalam usaha menangani serta memberi bantuan semasa berlakunya banjir jalan atau banjir kilat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. **Seramai 240 petugas DBKL dan 242 petugas APM** ditugaskan secara syif untuk memantau dan melaksanakan tindakan di hotspot-hotspot banjir di sekitar Kuala Lumpur . Selain daripada itu, 1,000 sukarelawan telah disiapsiagakan untuk menghadapi sebarang kemungkinan berlakunya banjir di Kuala Lumpur.

Jabatan Meteorologi Malaysia menjangka keadaan hujan serta Monsun Timur Laut akan bermula pada November 2022 dan berakhir pada bulan Mac 2023. Beberapa siri hujan lebat juga dijangka akan berlaku di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia. **Sehubungan dengan itu, penempatan petugas di lokasi *hotspot* banjir telah dikekalkan sehingga ke satu tempoh yang akan diberitahu kelak.**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, **DBKL telah mengenalpasti beberapa lokasi yang boleh dijadikan penempatan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) banjir yang melibatkan 16 Pusat Komuniti dan Kompleks Sukan, 15 Dewan Serbaguna DBKL serta 21 buah sekolah rendah dan menengah di sekitar Kuala Lumpur yang berkemampuan menampung sehingga 11, 750 orang mangsa apabila berlaku bencana.**

Pihak DBKL juga telah memasang sistem amaran banjir DBKL di beberapa lokasi sebagai projek rintis (*pilot project*). Antara lokasinya adalah:

1. Jalan Penchala Hilir 6
2. Jalan 9, Kg Cheras Baru
3. Jalan Taman U Tant
4. Jalan Chan Sow Lin
5. Dataran Merdeka (berhampiran Jam Detik)

Konsep dan kaedah operasi sistem ini adalah seakan sama dengan sistem amaran banjir dari pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Kuala Lumpur yang mana siren amaran akan dibunyikan sekiranya paras air sungai telah mencapai tahap bahaya.

**Berdasarkan pengajaran yang diambil, KWP dan DBKL telah mengambil langkah-langkah berikut:**

1. Tahap siap siaga telah dipertingkatkan memandangkan kejadian banjir pada masa kini tidak dapat diramal dengan tepat seperti sebelum ini ekoran perubahan cuaca (*climate change*) dunia. Dalam hal ini, antara prosedur yang akan dilaksanakan ialah pemindahan penduduk ke Pusat Pemindahan Sementara banjir, 2 hari sebelum banjir diramalkan berlaku supaya tiada keperluan menggunakan bot-bot penyelamat untuk memindahkan mangsa banjir. Selepas banjir diisytiharkan tamat, mangsa banjir boleh terus berada di Pusat Pemindahan Sementara selama 2 hari lagi bagi membolehkan kediaman mereka diperiksa dan dipastikan selamat untuk didiami. Selepas itu, mereka boleh pulang ke kediaman masing-masing. Prosedur ini pernah dilaksanakan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) di negeri-negeri yang sering berlaku banjir seperti Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sabah dan Sarawak.
2. Kerja penyelenggaraan parit induk dan sungai telah dilakukan lebih kerap bagi memastikan tahap kapasiti sistem saliran berada pada tahap paling optimum setiap masa.

## NO SOALAN: 10

3. Tahap kesedaran orang awam terhadap kebersihan sungai dan longkang tepi jalan telah dipertingkatkan bagi membudayakan sikap tidak membuang sampah sarap sewenang-wenangnya.
4. Selain daripada itu, standard *Average Recurrence Interval* (ARI) 100 akan ditingkatkan kepada 200 selaras dengan keadaan perubahan cuaca semasa (*climate change*). Ia merupakan standard yang digunakan dalam perancangan sistem saliran sungai di Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ROZMAN BIN ISLI  
( LABUAN )**

**TARIKH : 6 OKTOBER (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK ROZMAN BIN ISLI ( LABUAN )** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan satu persatu kertas cadangan (jenis kaedah pembinaan/ kos) yang disenarai pendek oleh Kementerian bagi pembinaan Jambatan Labuan-Sabah sepanjang tempoh 2018 hingga 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tempoh 2018 sehingga 2022, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Labuan (PL) telah menerima pelbagai cadangan daripada syarikat swasta yang berminat untuk melaksanakan projek Jambatan Labuan-Sabah termasuk menjalankan kajian feasibiliti. Antara cadangan yang diterima adalah berbentuk surat *Expression of Interest* bersama profil syarikat tanpa cadangan yang terperinci.

Namun pihak Kementerian tidak menyenarai pendek mana-mana cadangan dan pada September 2020 telah mendapat kelulusan prinsip untuk melaksanakan cadangan pembinaan Jambatan Labuan-Sabah secara Kerjasama Awam-Swasta (*Public Private Partnership*) melalui proses *Request for Proposal* (RfP) bagi membolehkan syarikat untuk mengemukakan cadangan yang berdaya maju. Pihak Kementerian juga telah memaklumkan kepada syarikat yang berminat tentang Iklan RFP pada 23 April 2021.

Sekian. Terima kasih.